



PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI ISNIN: 24 NOVEMBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9, 11 HINGGA 32)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8 DAN 10
SOALAN NO. 16 JAWAB SEKALI DENGAN SOALAN NO. 1**

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN
KAWASAN : PASIR SALAK
TARIKH : 24.11.2008 (ISNIN)

Y.B. DATO' HAJI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN (PASIR SALAK) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan dan sektor swasta untuk menjadikan industri automotif Malaysia setanding kalau pun tidak mengatasi, industri automotif negara seperti Jepun, Korea, Amerika dan lain-lain dalam tempoh sepuluh (10) tahun akan datang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar Automotif Nasional (DAN) dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) menggariskan usaha Kerajaan dalam memastikan industri automotif negara terus mampu mengekal dan meningkatkan daya saing di peringkat tempatan dan serantau. Bagi meningkatkan daya saing industri automotif tempatan, langkah-langkah serta inisiatif berikut telah dan akan dilaksanakan:

- mewujudkan Dana Pembangunan Automotif yang dikendalikan oleh Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) bagi membantu pengilang, pemasang dan pembuat komponen tempatan meningkatkan keupayaan pengeluaran melalui skim pinjaman mudah bagi tujuan rasionalisasi perniagaan, pembelian dan pembangunan perkakasan, peningkatan produktiviti dan pertambahan eksport;
- pihak MIDF juga mewujudkan Dana Modenisasi dan Automasi bagi memoden dan mengautomasikan proses perkilangan, mempelbagaikan aktiviti nilai tambah dan pengurangan pengantungan kepada tenaga buruh;
- melaksanakan Program Rantailan Industri bagi menggalakkan pembangunan industri komponen dan alat ganti tempatan serta mengekalkan aktiviti pemasangan di dalam negara. Program dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) ini, memberi pengecualian duti eksais berdasarkan kepada peningkatan nilai tambah penggunaan komponen tempatan dalam pengeluaran dan pemasangan kenderaan;
- mewujudkan geran latihan bagi pembuat dan pemasang automotif serta pembuat komponen dan alat ganti untuk tujuan latihan bagi meningkatkan tahap kemahiran dan kecekapan pengeluaran;
- mewujudkan geran penyelidikan dan pembangunan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan termasuk merekabentuk, membuat prototaip, serta pembangunan dan penambahbaikan produk;

- mewujudkan Geran Pembangunan Pasaran dan Jenama dibawah Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) bagi mengembangkan jenama dan pasaran eksport;
- menggalakkan penggabungan dan pengambilalihan syarikat pengeluaran komponen dan alat ganti tempatan agar mempunyai pengeluaran pada skala ekonomi yang lebih besar;
- mewujudkan program kerjasama dengan negara Jepun dibawah Malaysia-Japan Automotive Cooperation bagi tujuan peningkatan kualiti melalui program latihan dan pengkongslan kepakaran; dan
- mengliberalisasikan sektor automotif secara progresif menerusi perianjian-perianjian perdagangan bebas yang sedang dirunding atau yang telah ditandatangani Kerajaan. Melalui perjanjian ini, duti import kenderaan akan dikurangkan dan dihapuskan sepenuhnya berperingkat-peringkat.

Selain itu, Kerajaan juga dari masa ke semasa membuat penilaian terhadap dasar semasa dengan mengambil kira pandangan dan maklumbalas dari semua pihak yang terlibat dalam industri automotif termasuklah pihak industri dan jabatan/agensi kerajaan yang berkaitan. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang membuat kajian semula Dasar Automotif Nasional bertujuan bagi membuat penambahbaikan terhadap pelaksanaan dasar sediaada bagi memastikan industri automotif negara terus mampu mengekal dan meningkatkan daya saingnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID
SHIRLIN [PAPAR]
TARIKH : 24 NOVEMBER 2008
SOALAN :

Puan Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan kempen serta program-program kesedaran umum mengenai penyakit *HIV AIDS* dan nyatakan statistik pesakit *HIV* positif di seluruh negara mengikut pecahan gender dan umur.

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui kajian penilaian kempen media yang dilakukan pada 2006/2007 yang melibatkan 1,280 orang responden oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan Kementerian Kesihatan, didapati bahawa 99 peratus rakyat Malaysia tahu cara-cara jangkitan *HIV*. 88.7 peratus golongan lelaki yang terlibat dalam kajian tersebut menyedari tahu akan tanggungjawab yang perlu dilakukan bagi mengelakkan

penyebaran *HIV* manakala 93.3 peratus golongan wanita mengetahui hak-hak untuk melindungi diri dari jangkitan *HIV*.

Mengikut statistik, kes pertama jangkitan *HIV* di Malaysia dilaporkan pada tahun 1986 yang melibatkan kes di kalangan lelaki. Kes *HIV* di kalangan wanita mula dikesan pada tahun 1988 dan tahun-tahun berikutnya menyaksikan peningkatan kes di kalangan kedua-dua jantina lelaki dan wanita.

Perbandingan ke atas kes jangkitan *HIV* di antara lelaki dan wanita mendapati bahawa peratus jangkitan *HIV* di kalangan wanita semakin meningkat daripada 481 kes (9.5%) pada tahun 2000 kepada 737 kes (12.1%) pada tahun 2005 dan meningkat kepada 745 kes (16.4%) pada tahun 2007. Namun tidak seperti lelaki yang mendapat jangkitan *HIV* melalui pengambilan dadah secara suntikan (IDU), dianggarkan sejumlah 75 peratus jangkitan *HIV* di kalangan wanita pada tahun 2007 pula adalah melalui hubungan seksual.

Dianggarkan sejumlah 80 peratus daripada kes-kes *HIV* adalah terdiri dari golongan yang produktif dari segi ekonomi. Statistik kumulatif kes *HIV* mengikut umur menunjukkan majoriti kes yang dilaporkan adalah di kalangan mereka yang berumur di antara 30 hingga 39 tahun iaitu berjumlah 34,770 kes (43.0%) diikuti oleh 20 hingga 29 tahun berjumlah 27,955 kes (34.5%) dan 40 hingga 49 tahun berjumlah 12,580 kes (15.5%).

Kumpulan umur dari 13 hingga 19 tahun menyumbang sejumlah 1,140 kes (1.4%), 50 tahun ke atas sejumlah 2,895 kes (3.6%) dan kanak-kanak 12 tahun ke bawah sejumlah 764 kes (1.0%).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AMRAN BIN AB GHANI
TARIKH : 24 NOVEMBER 2008

SOALAN

TUAN AMRAN BIN AB GHANI [Tanah Merah] minta MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam membasmi ulat-ulat tiket yang semakin berleluasa di Hentian Bas Putra dan Hentian Bas Puduraya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

LPKP telah mengambil langkah serius dalam menangani masalah ulat-ulat tiket di Hentian Puduraya dengan menjalankan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi penguatkuasa lain iaitu :

- i. Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- ii. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- iii. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN HEP);
- iv. Jabatan Imigresen;
- v. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL);
- vi. Ikatan Relawan Malaysia (RELA); dan
- vii. Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Penguatkuasaan ini dijalankan di dalam dan di luar kawasan terminal Puduraya.

Sehingga Ogos 2008, pihak penguatkuasa telah berjaya menahan dan memeriksa 103 orang yang disyaki sebagai ulat tiket dan telah diambil pengenalan diri oleh PDRM. Daripada jumlah itu 2 orang warga asing dari Myanmar dan Indonesia turut ditahan kerana disyaki terlibat dan 6 orang lagi diuji positif dadah.


Tuan Yang Dipertua,

Selain penguatkuasaan terhadap aktiviti ulat, satu operasi bersepadu merobohkan kaunter-kaunter tiket haram di Jalan Pudu turut dijalankan dengan kerjasama DBKL serta agensi penguatkuasa lain. Kaunter-kaunter tiket haram ini telah dikenalpasti sebagai tempat di mana ulat-ulat tiket ini berlindung.


Langkah pengharaman penggunaan walkie-talkie di kaunter tiket oleh juga merupakan sebahagian tindakan tegas bagi membendung tindakan kakitangan kaunter cuba bersubahat dengan ulat tiket dengan menyalahgunakan kemudahan tersebut.

LPKP akan mengambil tindakan drastik dengan membatalkan lesen pengusaha yang didapati bersekongkol dengan ulat tiket berpandukan bukti-bukti tangkapan atas kuasa oleh PDRM dan JPJ di bawah Seksyen 110A Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Selain daripada langkah-langkah penguatkuasaan dan pemantauan seperti di atas, langkah mendidik pengguna untuk hanya membeli tiket di kaunter-kaunter yang sah glat dilaksanakan menerusi siaran-siaran media cetak dan elektronik. Adalah diharapkan juga para pengguna sedar akan betapa perlunya kerjasama daripada mereka agar tidak sesekali membeli tiket di luar kaunter bagi mengelakkan daripada tertipu.



Disediakan Oleh : **SULAIMAN BIN SAIRAN**
:
:
:
No.Tel. Pejabat : 03-88805956
No. H/P : 013-7866906



Disemak Oleh : **NAIMAH BINTI RAMLI** 18/9/08
:
:
:
No.Tel. Pejabat : 03-88805473
No. H/P : 012-3250969



Diluluskan Oleh : **ALWI BIN HAJI IBRAHIM** 25/9/08

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
TARIKH : 24 NOVEMBER 2008

SOALAN

Datuk Hallmah Binti Mohd Sadique (Tenggara) minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan meningkatkan daya saing, kapasiti dan keupayaan mereka supaya mereka dapat mengembalikan potensi keusahawanan mereka hingga ke peringkat menjadi Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sememangnya sentiasa berusaha dan mengambil pelbagai pendekatan untuk membantu usahawan dalam meningkatkan daya saing, kapasiti dan keupayaan mereka supaya mereka bukan sahaja mencapai tahap Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana malah berkembang sehingga menjadi

syarikat bertaraf antarabangsa. Dalam hubungan ini, Kementerian telah merangka perancangan strategik dan pendekatan bersepadu yang mengambil kira setiap perspektif untuk pembangunan usahawan dan koperasi seperti berikut:

- (i) Program pembudayaan dan latihan
- (ii) Program peningkatan dan pembangunan kualiti produk
- (iii) Premis perniagaan
- (iv) Bantuan dana
- (v) Promosi dan Pemasaran
- (vi) Peluang-peluang perniagaan

Bagi memastikan bakal usahawan dan usahawan sedia ada berkemahiran tinggi dan meningkat maju, MECD menerusi INSKEN telah menyediakan pelbagai kemudahan khusus untuk pembudayaan dan latihan intensif yang berterusan. Menerusi program-program di bawah INSKEN, seramai 735 usahawan di bawah Tabung Usahawan Siswazah (TUS) telah berjaya diwujudkan.

Selain itu, MECD juga turut mengadakan program peningkatan dan pembangunan Kualiti Produk yang dinamakan Program Groom Big dan dilaksanakan dengan kerjasama agensi teknikal seperti SIRIM, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), SME Corporation (SMIDEC) serta beberapa agensi pembiayaan. Secara keseluruhannya MECD telah berjaya memantapkan sejumlah 759 usahawan dalam sektor makanan dan minuman, percetakan dan rekabentuk, seramik, kosmetik dan penjagaan diri serta spa yang

merangkumi aspek pembungkusan produk, pengembangan kilang serta proses mendapatkan pelbagai sijil antaranya HALAL, Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) dan Good Manufacturing Practise (GMP). Mengikut statistik terkini bagi tahun 2008, bilangan usahawan yang mengikuti program Groom Big di bawah kosmetik dan herba adalah seramai 45 usahawan, manakala 9 usahawan di bawah program seramik dan kaca sementara di bawah program makanan dan minuman pula seramai 117 usahawan.

Dalam usaha memudahkan usahawan Bumiputera berniaga pula, MECD melalui agensi-agensinya iaitu MARA, UDA, SME Bank serta Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) menyediakan premis perniagaan seperti arked, bazar, rumah kedai, kompleks perniagaan dan lot ruang niaga di kompleks membeli-belah termasuk ruang kilang untuk disewakan kepada usahawan Bumiputera. Kadar sewa yang ditawarkan adalah 30% hingga 50% lebih rendah daripada kadar sewa pasaran. Sehingga 15 September 2008, sebanyak 14,788 unit premis perniagaan yang disediakan oleh agensi telah diisi manakala 2,171 unit lagi masih dalam proses untuk diisi oleh usahawan.

Seterusnya dalam masa yang sama, MECD menerusi agensi seperti TEKUN, MARA, SME Bank, dan Bank Rakyat turut menyediakan dana-dana bagi membantu usahawan mengembangkan perniagaan mereka yang bermula dari RM500 bagi pembiayaan TEKUN Nasional sehinggalah kepada RM5 juta melalui pembiayaan daripada SME Bank. Dana-dana bagi membantu usahawan melibatkan diri dalam pelbagai perniagaan yang berpotensi yang diatur menerusi pelbagai pendekatan seperti program

conversion dan nilai tambah, pembangunan kluster dan pembangunan ekonomi koridor. Sebagai contoh TEKUN Nasional menawarkan pelbagai program bagi membantu usahawan mengembangkan perniagaan mereka melalui program-program seperti TEKUN Asas Tani, TEKUN Rakan Niaga, TEKUN Pelancongan, TEKUN Tunas, TEKUN Usahawan Takaful, TEKUN Biotek Orkid dan TEKUN *Second Chance* (peluang kedua). Laporan terkini pengeluaran pembiayaan TEKUN pada tahun 1999 sehingga 30 September 2008 adalah sebanyak RM 1,008,666,200.00 dimana pada tahun 2008 sahaja RM 236,695,100.00 pembiayaan telah diberikan kepada usahawan-usahawan di seluruh Malaysia.


MECD juga memberi penekanan terhadap program promosi dan pemasaran bagi membantu produk-produk usahawan dapat dipasarkan secara lebih meluas. Antara program promosi dan pemasaran yang dilaksanakan adalah seperti pameran perdagangan di peringkat domestik dan antarabangsa, promosi menerusi media massa, pemasaran menerusi pusat pengumpulan dan pemasaran produk usahawan, usahawan pemasaran serta premis di lokasi-lokasi yang strategik seperti di KLIA. Antara program promosi dan pemasaran dalam negara anjuran MECD adalah Gerak Usahawan, Showcase Usahawan, Showcase SDSI, Program Pengiklanan Usahawan dan banyak lagi. MECD bukan sahaja menyediakan platform promosi kepada usahawan bahkan menyediakan subsidi dengan menaja sewaan booth setiap usahawan yang terlibat. Begitu juga dengan pengiklanan menerusi media massa di mana MECD turut memberi penajaan kepada usahawan sebanyak 50% daripada kos pengiklanan yang dibuat menerusi 18 media utama yang terpilih berdasarkan kos siling yang ditetapkan oleh MECD. Pada tahun 2008


sejumlah RM 8.349 juta dalam bentuk subsidi diberikan kepada usahawan bagi Program Pengiklanan. Kementerian menjangkakan akan menaja RM10 juta pada tahun hadapan.

MECD juga berusaha dalam mewujudkan peluang-peluang perniagaan kepada usahawan-usahawan sedia ada menerusi 3 program teras iaitu *conversion*, *cluster*, dan *corridor* atau lebih dikenali sebagai 3C. Program *conversion* bertujuan untuk memastikan tenaga terlatih menjadi usahawan, menambah nilai produk dan perkhidmatan dan mengkomersilkan hasil penyelidikan dan pembangunan. Manakala program *cluster* bertujuan untuk menguasai rantai nilai sesuatu sektor ekonomi dan meningkatkan jaringan perniagaan. Program *corridor* pula bertujuan untuk memastikan peluang-peluang perniagaan dalam pembangunan koridor disertai dan dikuasai oleh bumiputera. Program 3C ini diterjemahkan dengan pelaksanaan menerusi program francais, vendor, koperasi, promosi dan pemasaran, contract farming, contract manufacturing, rantai nilai, teknopreneur, groom big, co-branding, dan peruncitan.

Dalam hal ini, MECD telah berjaya mewujudkan sejumlah 94 syarikat francais bumiputera dan 249 francais bukan bumiputera . Bagi tahun 2008 sahaja, MECD telah melahirkan 15 syarikat francais bumiputera di dalam pelbagai bidang seperti sektor makanan, perkhidmatan dan penyelenggaraan, pusat pembelajaran dan asuhan, IT, telekomunikasi dan elektrik, rawatan kecantikan dan kesihatan, pakaian dan aksesori, kedai serbaneka dan pasaraya dan lain lain perniagaan. MECD juga telah menyediakan sebanyak 238 peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat

vendor yang terdiri daripada bidang tenaga, pembinaan, automotif, petroleum, gas dan aeroangkasa serta pembekalan bot dan perkapalan.


Disediakan Oleh : **Cik Rosnani Bahari**
PP (M) 10
: **No. Tel Pejabat : 03-88805305**
No. H/P: 016-7411424


Disemak oleh : **En. Mohamad Khir Mat Lazim**
Pengarah (M)
: **No. Tel Pejabat : 03-88805291**
No. H/P: 019-3606096


Diluluskan oleh : **Y. Bhg. Dato' Mohamad Hashim Abdullah**
Timbalan Ketua Setiausaha (Usahawan)
5/11/08

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
(KUANTAN)

TARIKH : 24 NOVEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. Puan Hajah Fuziah binti Salleh (Kuantan) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan dalam menangani gejala sosial dan mengatasi kegiatan membunuh / membuang bayi; dan
- b) berapakah peruntukan oleh Kerajaan dalam RMK-9 untuk usaha mendidik masyarakat agar masalah ini dapat dibanteras.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kerajaan amat prihatin tentang gejala sosial serta kes-kes pembuangan bayi. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) selaku Kementerian yang bertanggungjawab dalam isu-isu kemasyarakatan berpendapat bahawa jalan penyelesaian terbaik menangani gejala sosial dan mengatasi kegiatan membunuh / membuang bayi ialah melalui pengukuhan institusi keluarga. Dalam hal

ini, KPWKM telah mengambil langkah-langkah bagi mengukuhkan institusi keluarga. Antaranya ialah:

- (i) meningkatkan kesedaran dan pengetahuan ibu bapa dalam membimbing anak-anak melalui program meningkatkan kemahiran keibubapaan seperti *SmartStart*, Modul Kasih dan *Parenting@Work* ;
- (ii) memberi perkhidmatan kaunseling bagi mengelakkan trauma dan stigma yang dihadapi oleh keluarga yang menghadapi masalah ahli keluarga atau remaja hamil di luar nikah; dan
- (iii) KPWKM melalui LPPKN telah memperkenalkan inisiatif baru iaitu program *outreach counselling*. Melalui inisiatif ini, lebih ramai ahli keluarga mendapat akses kepada program kaunseling.

Selain itu, usaha juga dilakukan untuk meningkatkan pengetahuan kanak-kanak dan remaja mengenai kesihatan reproduktif dan sosial. Untuk itu, satu garis panduan yang dinamakan Garis Panduan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan telah dirangka oleh KPWKM dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan. Pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial kini telah mula dimasukkan dalam kurikulum sekolah. KPWKM juga sedang mengaturkan supaya subjek pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial

dapat dimasukkan dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Peningkatan pengetahuan remaja terhadap kesihatan reproduktif akan dapat mencegah mereka daripada terlibat dalam kegiatan seks bebas yang menyebabkan berlakunya kes-kes pembuangan bayi.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) KPWKM melalui agensinya, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) diperuntukkan sebanyak RM1.75 juta untuk pelaksanaan program *SmartStart* dan RM1.3 juta bagi program *Parenting@Work* setahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI
[SABAK BERNAM]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2008

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

apakah langkah-langkah dan program untuk membantu pengusaha-pengusaha Homestay terutama di Parlimen Sabak Bernam untuk menambahkan lagi pendapatan dan ekonomi mereka..

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sejak program Homestay Kebangsaan diselaraskan oleh Kementerian pada tahun 1995 hingga September 2008, seramai 2,848 orang peserta homestay telah mendaftar dengan Kementerian Pelancongan melibatkan 142 buah kampung di seluruh Negara.

Bagi negeri Selangor terdapat 16 buah kampung berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan dengan jumlah pengusaha seramai 371 peserta.

Bagi Daerah Sabak Bernam, terdapat 6 homestay berdaftar dengan jumlah pengusaha seramai 104 peserta. Homestay-homestay tersebut ialah:

- 1) Homestay Air Manis, Sabak Bernam
- 2) Homestay Sg. Haji Dorani, Sabak Bernam
- 3) Homestay Seri Kayangan, Sabak Bernam
- 4) Homestay Papitusulem, Sabak Bernam
- 5) Homestay Batu 23, Sg.Nibong, Sabak Bernam

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah RMK9, sebanyak RM90,000 telah diperuntukkan untuk menaiktaraf kemudahan Homestay Sg. Haji Dorani, Sabak Bernam. Kerajaan juga telah meluluskan sebanyak RM1.5 juta untuk tahun 2008 bagi penambahbaikan bilik penginapan dan bilik air rumah peserta Homestay. Untuk tujuan ini, peserta Homestay yang telah berdaftar dengan Kementerian perlu menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan untuk melayakkan mereka mendapat peruntukan tersebut.

Selain itu, Kementerian Pelancongan juga menganjurkan Kursus Asas Pelancongan: Desa Homestay dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah. Lebih kurang lapan siri kursus diadakan setiap tahun bergantung kepada peruntukan tahunan. Mulai tahun 2008, Kementerian ini juga sedang merancang beberapa kursus tambahan bagi menyediakan latihan asas kepada bakal pengusaha homestay.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, Kementerian Pelancongan menyediakan beberapa kursus tambahan yang merangkumi aspek-aspek dalam industri pelancongan. Kursus ini merangkumi pembentukan sahsiah dan keterampilan diri, komunikasi, asas pengurusan, aspek kebersihan dalam penyediaan dan pengendalian makanan, bahasa asing dan lain-lain.

No :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan
[Padang Serai]**

TARIKH : 24 November 2008 (Isnin)

SOALAN : 17

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-

- (a) apakah rancangan Kerajaan yang sedia ada untuk memastikan syarikat-syarikat penerbangan menurunkan harga tambang pesawat dalam dan luar negara serta mengekalkan sebagai harga terendah di rantau ini; dan
- (b) bilakah Kerajaan akan menggalakkan penerbangan kos rendah lain selain dari MAS ke bandar-bandar utama di India.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, harga tambang syarikat penerbangan bagi laluan domestik dan antarabangsa adalah berdasarkan kepada permintaan pasaran. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memantau harga tambang syarikat-syarikat penerbangan agar tidak membebankan penumpang. Syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia sentiasa menawarkan harga tambang yang kompetitif.

- (b) Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat penerbangan lain selain daripada Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) untuk beroperasi ke bandar-bandar utama di India. Walau bagaimanapun, keputusan ini adalah tertakluk kepada Perjanjian Perkhidmatan Udara Dua Hala antara Malaysia dan India.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2008

SOALAN

Y.B Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada satu 'recession' akan melanda ekonomi negara ini dan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan impaknya pada ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak dinafikan bahawa keadaan ekonomi sedunia pada masa ini adalah tidak menentu, dan sama ada Negara akan dilanda satu 'recession' atau tidak, adalah sukar dijangka. Bagi menghadapi keadaan ini, Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah *pre-emptive* untuk memastikan ekonomi Malaysia tidak terjebak ke dalam kemelesetan atau dengan izin "*recession*". Langkah-langkah tersebut termasuklah:

- i) Pakej rangsangan RM7 bilion sebagaimana yang diumumkan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri semasa ucapan pengulungan Bajet 2009;
- ii) Memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi dalam Negara dengan memberi keutamaan kepada projek yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi dan kandungan import yang rendah seperti menaik taraf kemudahan awam, jalan kampung, kuarters polis dan tentera, pengangkutan awam dan pembinaan rumah kos sederhana dan rendah;
- iii) Menggalakkan permintaan dalam negeri melalui inisiatif meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat. Ini dicapai melalui pengurangan caruman wajib pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11% kepada 8% yang dapat meningkatkan penggunaan dalam negeri yang menjana pertumbuhan ekonomi. Ini dijangka mampu menjana pertambahan pendapatan boleh guna kira-kira RM4.8 bilion setahun di peringkat nasional jika semua pencarum memilih caruman 8%. Sebaliknya, jika separuh daripada pencarum memilih berbuat demikian, jumlah pertambahan pendapatan boleh guna ialah RM2.4 bilion setahun.
- iv) Menggalakkan pelaburan swasta dengan tumpuan diberikan kepada negara-negara yang mempunyai lebih dagangan seperti negara di Timur Tengah dan China. Antara langkah Kerajaan bagi perkara ini termasuklah contohnya menubuhkan Dana Pelaburan, penghapusan duti import simen dan besi

keluli, mengkaji semula dasar fiskal negara serta garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC); dan

- v) Kerajaan juga akan terus memastikan pasaran pekerjaan yang memberangsangkan dalam sektor awam dan swasta. Perkhidmatan pegawai kontrak Kerajaan akan diteruskan dan dana untuk program latihan ditambah bagi menyediakan latihan mencukupi. Ini boleh dimanfaatkan bagi pekerja yang telah dan mungkin menghadapi risiko diberhentikan bagi menyesuaikan dan membolehkan mereka mendapat kerja lain.

Kesimpulannya, negara mempunyai asas ekonomi dan sistem kewangan yang kukuh. Ini dapat dilihat daripada *debt service ratio* (dengan izin) yang rendah, serta kadar simpanan yang tinggi yang dapat mengelakkan penguncupan kredit. Ini memastikan pertambahan pelaburan dapat dilaksanakan bagi menjana pertumbuhan ekonomi. Dengan disokong oleh pemantauan rapi dan langkah *pre-emptive* oleh pihak Kerajaan, negara mempunyai *flexibility* (dengan izin) untuk mengharungi cabaran persekitaran ekonomi global yang tidak menentu ini.

SOALAN NO: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURaida BINTI
KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2008

RUJUKAN : 1340

SOALAN:

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi
mengatasi banjir warga asing di Ampang seperti warga
Myanmar yang berlandung di bawah UNHCR dan apakah polisi
kerajaan terhadap perkara seperti ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ampang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanjiran warga asing di Ampang seperti warga Myanmar yang didakwa berlindung di bawah UNHCR adalah ditangani oleh agensi penguat kuasa. Antara lain agensi-agensi ini telah melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu dan berterusan di antara JIM, PDRM dan RELA. Bagi tempoh 01 Januari 2008 hingga 30 September 2008, seramai 55,618 orang PATI telah ditangkap melalui 5,804 operasi yang dilaksanakan di seluruh negara.

Manakala, bagi golongan orang luar yang bernaung di bawah *United Nations High Commissioner For Refugees* (UNHCR) yang terdiri daripada warganegara **Afghanistan, Sri Lanka, Myanmar, Nepal, Thailand** dan **Iraq** yang datang dan berada di Malaysia tidak pernah diiktiraf sebagai orang pelarian oleh Malaysia. Walau bagaimanapun, JIM masih memberikan pertimbangan yang sewajarnya atas **dasar perikemanusiaan Kerajaan** ke atas kes yang berlaku (*case-by-case basis*) kepada PATI yang diberikan status "Pelarian" oleh UNHCR atas kapasiti negara yang menganggotai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

SOALAN NO: 20

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL
SAMAD (SHAH ALAM)**

**TARIKH : 24 NOVEMBER ,2008
(ISNIN)**

**SOALAN : TUAN KHALID BIN ABDUL
SAMAD minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

menyatakan :

berapakah harga jualan beras
Super Tempatan 15 peratus
pada hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jawapan:

- (i) Harga beras Super Tempatan 15% mengikut zon adalah seperti berikut:-

<u>Zon</u>	<u>Harga Runcit</u> <u>RM/kg</u>	<u>Lokasi</u>
<u>Zon 1</u>	<u>RM 1.65/kg</u>	<u>Kedah, Perlis, Kelantan, Seberang Perai Utara dan Selatan</u>
<u>Zon 2</u>	<u>RM 1.70/kg</u>	<u>Terengganu, Pulau Pinang, Perak</u>
<u>Zon 3</u>	<u>RM 1.75/kg</u>	<u>Wilayah Persekutuan, Selangor</u>
<u>Zon 4</u>	<u>RM 1.75/kg</u>	<u>Negeri Sembilan, Melaka</u>
<u>Zon 5</u>	<u>RM 1.80/kg</u>	<u>Johor, Pahang</u>

- (ii) Harga beras Super 15% (import) di Sabah dan Sarawak ialah RM 1.80/kg.

(iii) Harga beras Super Tempatan 15% adalah harga yang dikawal dan tidak naik sejak tahun 1998. Pada masa ini bagi mengekalkan harga ini kerajaan telah melaksanakan skim subsidi kepada pengilang-pengilang sebanyak RM 800/MT. Harga sebenar beras ini di pasaran adalah sebanyak RM 2.30/kg.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL
[INDERA MAHKOTA]
TARIKH : 24 NOVEMBER 2008
SOALAN :

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kerajaan menswastakan projek pengurusan sisa klinikal seluruh negara serta bagaimanakah ia dilaksanakan untuk menjamin keselamatan awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menswastakan pengurusan sisa klinikal di hospital Kerajaan mengikut zon mulai 28 Oktober 1996 untuk tempoh 15 tahun kepada tiga syarikat iaitu :

- a) Faber Medi-Serve Sdn. Bhd. - Zon Utara, Sabah dan Sarawak
- b) Radicare (M) Sdn Bhd - Zon Tengah dan Pantai Timur
- c) Pantai Medivest Sdn. Bhd – Zon Selatan

Ketiga-tiga syarikat konsesi telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi mengendalikan pelupusan sisa klinikal supaya proses dan aktiviti pelupusan sisa klinikal dapat menjamin keselamatan awam.

Insinerator yang digunakan ini dipantau oleh syarikat perunding (SIHAT), Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak yang berkaitan bagi memastikan ia mengikut standard yang telah ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA
(PADANG TERAP)

TARIKH JAWAPAN : 24.11.2008
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Tuan Mohd Nasir bin Zakaria minta MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI menyatakan apakah metod yang digunakan oleh Kerajaan bagi menentukan jumlah pampasan hasil setelah pengambilan aset dan liabiliti syarikat perawatan dan perbekalan air oleh Kerajaan Persekutuan

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kaedah pengambilalihan aset dan tanggungan air yang diamalkan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) akan dibuat secara teliti dan berhati-hati. Kementerian bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan sentiasa mengawal selia setiap cadangan PAAB untuk mengambil alih aset dan tanggungan air tersebut.

Asas penilaian akan berpandukan kepada faktor-faktor yang boleh menentukan nilai aset berkenaan, antaranya seperti kos sejarah (*historical cost*), kos penggantian (*replacement cost*), nilai buku (*book value*) dan penyata aliran tunai

yang didiskaun (*discounted cash flow*). Sebarang bentuk pampasan atau bayaran tertentu akan diteliti dan kelulusannya adalah tertakluk kepada proses penilaian yang rapi yang dijalankan oleh juru penilai bertauliah dan bebas yang dilantik oleh PAAB.

Sehubungan itu, tawaran pengambilalihan tersebut perlu dibuat hanya setelah satu penilaian dan proses *due diligence* kewangan dan teknikal yang komprehensif dan terperinci dijalankan ke atas setiap aset dan tanggungan air tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini sememangnya amat peka kepada implikasi dan kesan pengambilalihan aset dan tanggungan pada harga yang tinggi dan tidak kos efektif. Ia akan menyebabkan kadar sewa pajak yang tinggi yang akhirnya akan turut dirasai oleh pengguna melalui kadar tarif air yang tinggi. Oleh yang demikian, Kementerian ini akan memastikan keadaan tersebut tidak berlaku semasa proses pengambilalihan aset dan tanggungan air terutamanya yang melibatkan syarikat konsesi air.

SOALAN NO: 23

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB. Tuan Haji Ahmad Bin Kasim**
TARIKH : **24 November 2008**
SOALAN : **YB. Tuan Haji Ahmad Bin Kasim**
minta **MENTERI PERTANIAN DAN**
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
:-

Apakah usaha untuk menarik minat generasi muda bagi mengikuti latihan vokasional dalam bidang pertanian di Kolej Pertanian bagi melahirkan siswazah pertanian menjadi usahawan tani yang berdaya maju.

Jawapan : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri
Asas Tani

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited untuk membangunkan modal insan dalam sektor pertanian dan penubuhan Kolej Pertanian adalah fokus khusus Kementerian untuk menggalakkan dan membangunkan kemahiran golongan muda berumur antara 18 hingga 25 tahun yang ingin menceburi bidang pertanian sebagai kerjaya tetap. Mereka juga merupakan generasi pelapis kepada para pengusaha pertanian sedia ada yang akan meneruskan kesinambungan permodenan dan pertumbuhan sektor pertanian. Pelbagai usaha promosi dan galakan telah dilaksanakan untuk menarik minat golongan muda tersebut dan antaranya adalah seperti berikut :

1. **Penyertaan dalam tapak-tapak pameran peringkat kebangsaan**

Kolej Pertanian sememangnya sentiasa aktif menyertai program-program pameran

berbentuk pembangunan kerjaya, karnival kerjaya dan pendidikan/latihan vokasional khususnya di peringkat kebangsaan.

2. **Program Promosi Di Akhbar-Akhbar, Siaran Televisyen dan Halaman Web**

Promosi melalui artikel-artikel dan rencana pendek turut dimuatkan ke dalam akhbar-akhbar utama tempatan, rangkaian penyiaran nasional dan halaman web Kementerian bagi mendedahkan dan menyampaikan maklumat terkini kepada orang ramai berkenaan latihan-latihan kemahiran pertanian yang dilaksanakan di Kolej Pertanian.

3. **Program Promosi Di Sekolah**

Pihak Kolej juga sentiasa aktif membuat promosi dan ceramah di Sekolah Menengah Teknik Aliran Vokasional Pertanian bagi menarik minat golongan muda ini untuk mengikut latihan lanjutan Kolej Pertanian. Sebanyak 5 program sedemikian telah dilaksanakan sepanjang tahun 2008.

4. **Penyertaan Dalam Program Kementerian**

Pihak Kolej juga sentiasa aktif menyertakan diri dalam semua program promosi atau pameran yang dianjurkan oleh pihak Kementerian atau Jabatan/Agensi di bawah Kementerian seperti Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show (MAHA), Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) dan Hari Bertemu Pelanggan Kementerian.

5. **Sistem Latihan Yang Tidak Membebankan**

Latihan kemahiran yang dilaksanakan di Kolej Pertanian tanpa mengenakan sebarang yuran pendaftaran dan seumpamanya. Di samping itu, para pelatih turut dibekalkan dengan tempat penginapan, makan, minum, kemudahan latihan serta peralatan pembelajaran secara percuma. Langkah ini bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh para pelatih sepanjang tempoh menjalani latihan.

6. **Pengedaran Risalah Berkenaan Kolej
Pertanian**

Risalah-risalah berkenaan latihan kemahiran di Kolej Pertanian tidak sahaja diedarkan semasa program promosi, malahan diletakkan tempat-tempat strategik yang menjadi tumpuan golongan muda supaya mereka sedar dan tahu kewujudan latihan kemahiran pertanian tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID
KAWASAN : KUALA LANGAT
TARIKH : 24.11.2008 (ISNIN)

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang menggunakan deposit kepada syarikat luar sebelum menerima pelaburan mereka untuk mengelak daripada syarikat lari dari pekerja menjadi mangsa.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan tidak mensyaratkan agar deposit dibayar oleh mana-mana syarikat yang ingin melabur di Malaysia sebagai satu mekanisme untuk mengelakkan syarikat tersebut lari dan menyebabkan pekerja menjadi mangsa.

Cadangan untuk mendapatkan deposit daripada syarikat pelabur mungkin kurang bersesuaian dengan dasar Kerajaan bagi mewujudkan suasana pelaburan yang kondusif untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. LIEW CHIN TONG
[BUKIT BENDERA]
TARIKH : 24 NOVEMBER 2008

SOALAN:

PR-1213-L15677

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen akan ditubuhkan dalam Parlimen ke-12 dan adakah jawatankuasa lalu yang belum menyelesaikan tugas masing-masing akan diteruskan.

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN BERKENAAN.

PEMPERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 24 November 2008

SOALAN :

**Y.B. Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan
mengambil langkah-langkah dan tindakan untuk menjadikan Pantai
Bachok atau Tumpat sebagai kawasan industri Petrokimia.**

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan atau PETRONAS tidak
mempunyai sebarang perancangan untuk menjadikan Pantai Bachok
atau Tumpat sebagai kawasan industri petrokimia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
TARIKH : 24 NOVEMBER 2008

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [Hulu Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh mana peranan yang dimainkan oleh Koperasi Kredit yang ditubuhkan semata-mata untuk mendapatkan kemudahan potongan gaji melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) dengan bergantung pembiayaan dari bank-bank tempatan. Apakah sumbangan koperasi terhadap anggotanya dan bagaimanakah kawalan kerajaan terhadap koperasi berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Koperasi kredit ditubuhkan untuk memberi kemudahan pinjaman kepada anggotanya dengan kadar bayaran perkhidmatan antara 4% hingga 6% setahun. Kadar ini adalah rendah berbanding dengan kadar faedah

sebenarnya yang dikenakan oleh bank-bank dan institusi kewangan iaitu antara 7.5% hingga 9.7% setahun.

Secara asas sumber kewangan koperasi kredit adalah dari sumbangan yuran anggota. Pinjaman yang diberi oleh koperasi kredit kepada anggotanya dikutip balik setiap bulan melalui khidmat potongan gaji yang dikendalikan oleh Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA). Kemudahan potongan gaji oleh Angkasa telah menjadikan urusan bayaran balik pinjaman lebih mudah dan terjamin. Keadaan ini menarik minat institusi kewangan swasta dan bank-bank perdagangan sebagai peminjam kepada anggota koperasi untuk menggunakan koperasi bagi mendapat kemudahan potongan gaji ANGKASA. Dalam keadaan begini, koperasi bergantung kepada sumber luar ini untuk memberi pinjaman kepada anggota dengan kadar yang lebih tinggi daripada biasa. Koperasi diguna sebagai fasilitator untuk urusan potongan gaji melalui BPA dan menerima komisyen antara 0.5% hingga 2% daripada jumlah pinjaman. Fenomena baru ini tidak digalakkan kerana ini akan membebaskan anggota dan juga mencemari prinsip-prinsip koperasi.

Sumbangan utama koperasi terhadap anggotanya adalah dalam bentuk perkhidmatan yang disediakan oleh koperasi kepada anggota. Keuntungan, walaupun penting untuk perkembangan koperasi, bukan menjadi matlamat utama koperasi. Ini sejajar dengan peranan sosio-ekonomi koperasi seperti yang diuraikan dalam prinsip-prinsip koperasi yang diterima pakai oleh gerakan koperasi seluruh dunia. Dalam hal koperasi kredit, ianya adalah perkhidmatan kemudahan pinjaman kepada anggota pada kadar perkhidmatan yang rendah. Tidak semua peminjam

boleh mendapat akses kepada pinjaman bank yang bukan saja lebih tinggi kadar faedahnya tetapi penetapan syarat pinjaman yang sukar dipenuhi/membebankan anggota.

Kawalan Kerajaan terhadap koperasi kredit dan juga koperasi-koperasi lain adalah melalui pengukuhan sistem kewangan koperasi (melalui pengauditan, mesyuarat agung tahunan dan pewujudan Kumpulan Wang Likuiditi Pusat (*Central Liquidity Facility*) dan Akaun Deposit Koperasi (*Co-operative Deposit Account*), penerapan *co-operative good governance* dan ketelusan, pengukuhan gerakan koperasi itu sendiri dan juga mengenakan penalti dan denda ke atas anggota lembaga koperasi yang menyalahguna kuasa, dan lain-lain kesalahan yang melibatkan anggota dengan koperasi.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2008

SOALAN :

Tuan Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memberi kesedaran fenomena pemanasan global dan apakah dorongan serta galakkan dari pihak Kerajaan bagi meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti seperti 'carbon credit trading' yang dilihat dapat mengurangkan kesan fenomena tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memandang serius fenomena pemanasan global kerana ia mempunyai kesan ke atas kehidupan dan kesejahteraan kita. Sehubungan itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan terus mengadakan kempen secara bersepadu bagi meningkatkan kesedaran terhadap fenomena ini di semua lapisan masyarakat. Antara aktiviti-aktiviti kesedaran berkaitan isu pemanasan dunia yang diadakan termasuk:

- i. Pameran di tempat-tempat awam;
- ii. Kem Kesedaran Alam Sekitar;
- iii. Seminar dan sesi ceramah yang melibatkan pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi dan swasta;
- iv. Penerbitan buku *Climate Change in Malaysia*, brosur bertajuk *You Can Fight Climate Change Today*, Majalah Era Hijau dan Majalah Impak; dan
- v. Penerbitan rencana dan iklan di media elektronik dan media cetak

Di samping itu, Malaysia juga telah meratifikasi Protokol Kyoto pada 4 September 2002 sebagai usaha antarabangsa untuk mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (*Greenhouse gases-GHG*) ke atmosfera yang menyebabkan pemanasan global. Bagi tujuan ini, Protokol Kyoto telah memperkenalkan satu mekanisme yang dipanggil *Clean Development Mechanism (CDM)*. Kewujudan projek-projek CDM akan menarik pelaburan daripada negara luar yang berminat untuk

membeli *carbon credits* [Certified Emission Reductions (CERs)] yang dihasilkan oleh projek CDM sebagai membantu negara berkenaan mencapai sasaran pengurangan GHG yang ditetapkan di bawah Protokol Kyoto. Justeru, menerusi penglibatan dalam CDM, pihak industri tempatan mendapat tiga faedah iaitu, pemindahan teknologi, pelaburan dan juga hasil daripada penjualan CERs.

Sehubungan ini, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai insentif kepada syarikat swasta yang ingin menjalankan projek CDM. Antaranya menyediakan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi meningkatkan keupayaan institusi berkaitan dalam melaksanakan CDM dan memberi pengecualian cukai kepada syarikat yang telah mendapat *Certified Emissions Reductions* (CERs). Kementerian ini juga akan terus mengadakan program, seminar dan bengkel bagi menggalakkan penyertaan sektor industri dalam aktiviti CDM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH
JARIKH : 24 NOVEMBER 2008

Tuan Matulidi Bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kementerian akan mengembangkan pusat-pusat perniagaan di desa-desa sebagai langkah memupuk semangat keusahawanan dan menambahkan bilangan usahawan di desa-desa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) sentiasa komited mengembangkan pusat-pusat perniagaan di desa-desa dalam usaha membangunkan keusahawanan di kawasan luar bandar. Sehubungan dengan itu, **sehingga 30 Jun 2008** sebanyak **15,818 unit premis perniagaan** telah disediakan oleh MECD yang turut meliputi kawasan di luar bandar untuk disewakan kepada usahawan pada kadar yang berpatutan. Sebanyak **2,182 unit premis perniagaan** lagi akan ditambah dan disasarkan sebanyak **18,000 unit premis perniagaan** akan disediakan menjelang penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Menyedari kepentingan pusat-pusat perniagaan tersebut, kerajaan baru-baru ini telah memberi peruntukan tambahan sebanyak

RM 100 juta kepada MARA untuk memperbanyakkan dan mengembangkan lagi pusat-pusat perniagaan di desa-desa.

Di samping itu, Kementerian juga sedang membangunkan **Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Produk Usahawan (4PU)** yang mana tujuan utamanya adalah untuk mengumpulkan semua produk usahawan bumiputera khususnya dari kawasan luar bandar sama ada yang sudah berjenama atau yang tidak mempunyai jenama langsung di bawah satu bumbung supaya dapat dipasarkan menerusi aktiviti jualan dan juga promosi yang akan dilaksanakan oleh usahawan pemasaran yang dilantik oleh MECD.

Pusat ini yang juga dikenali sebagai '**Trading House**' mempunyai elemen pengumpulan, pemasaran dan juga *value added services* (di bawah Program Groom Big) iaitu meningkatkan mutu pembungkusan, penjenamaan, kualiti produk serta membantu mendapatkan pelbagai sijil yang berkaitan seperti GMP, HALAL, HACCP dan lain-lain. Sehingga kini, sebanyak **2 buah 4PU telah beroperasi** iaitu di Alor Setar, Kedah yang dikendalikan oleh Syarikat Cita Utara Resources Sdn Bhd dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bawah pengendalian Malaysia Herbal Corporation (MHC). Manakala **2 buah 4PU lagi** iaitu di Kota Bharu dan Johor Bahru telah siap dibangunkan dan akan mula beroperasi pada awal tahun 2009. MECD juga sedang dalam proses untuk membuka lebih banyak outlet 4PU di negeri Terengganu, Negeri Sembilan dan Selangor.

Sementara itu, Kementerian juga telah menubuhkan **Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD)** yang berperanan sebagai mekanisme pemantauan dan penyelarasan program-program pembangunan usahawan dan koperasi di peringkat daerah. Pelbagai program luar jangkauan atau '*outreach*' dilaksanakan oleh MPUD seperti pembudayaan dan latihan keusahawanan serta Program Gerak Usahawan dalam merancakkan lagi

keusahawanan di peringkat akar umbi terutamanya menambahkan bilangan usahawan di desa-desa.

Disedilakan oleh : KPP (RN) 5 / PP (RN) 9
Khalit Bin Kasmoin / Mohd Farris Bin Radzuan
019-226 8400 / 012-650 8200

Disemak Oleh : PENGARAH (RN)
Hj. Zakaria Bin Jaafar
016-383 6495

Dipersetujui Oleh : TKSU (U)

Diluluskan Oleh : KSU

Handwritten signature and date: 19/11

Aw-30

SJ.B/(108)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
(KUALA SELANGOR)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 24.11.2008 SOALAN NO: 30

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kronologi apa yang dilaporkan sebagai *technical failure* dalam sistem dagangan yang menyebabkan penutupan pasaran saham Bursa Malaysia pada 3 Julai lepas dan berapakah kerugian yang ditanggung Bursa dan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sistem perkakasan yang digunakan oleh Bursa Malaysia untuk sistem dagangan ekuiti System On Computerised Order Routing And Execution (SCORE) berfungsi atas satu persekitaran berasaskan sistem tanpa henti. Kegagalan perkakasan pelbagai fungsi dikesan berlaku pada jam 5.20 pagi dan beberapa cubaan bagi mengenal pasti masalah dan penyelesaian telah dilakukan namun ia tidak berhasil. Sehubungan itu, masalah tersebut telah dilanjutkan kepada Pasukan Pengurusan Pemulihan Bencana.

(Disaster Recovery Management Team - DRMT). Pihak DRMT telah bermesyuarat dan membuat keputusan untuk menutup dagangan pada sesi pagi.

2. Masalah tersebut hanya dapat dikenal pasti pada jam 1.00 petang. Kegagalan perkakasan pelbagai fungsi berlaku disebabkan fail sistem penting terletak di bahagian sektor yang rosak. Pemulihan ke atas sistem dagangan telah dapat dilaksanakan namun agak lewat untuk memulakan dagangan pada sesi kedua.

3. Kejadian *technical failure* pada 3 Julai 2008 menyebabkan Bursa Malaysia kerugian peluang pendapatan dalam anggaran RM0.45 juta dan RM8 juta untuk industri yang merangkumi yuran pembrokeran, duti setem dan levi Suruhanjaya Sekuriti, tidak termasuk fi penjelasan.

DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
[PASIR PUTEH]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2008

SOALAN :

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kedudukan tahap pencemaran sungai di negara ini serta nyatakan kaedah-kaedah yang sedang dan akan dilaksanakan bagi memulihara sungai-sungai yang dikategorikan sebagai tercemar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah menjalankan program pengawasan kualiti air sungai ke atas 143 lembangan sungai di Malaysia. Pada tahun 2007, berdasarkan keputusan analisis air sungai yang telah dilakukan, didapati bahawa kualiti air bagi 91 (64%) lembangan sungai berada di tahap bersih, 45 (31%) lembangan sungai berada di tahap sederhana tercemar dan 7 (5%) lembangan sungai adalah tercemar.

Kaedah-kaedah yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk memulihara sungai-sungai yang dikategorikan sebagai tercemar adalah seperti berikut:

- (i) Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya untuk menyekat pencemaran dari punca tetap (*point sources*). Effluen dan sisa-sisa kumbahan dari industri dan loji-loji pengolahan kumbahan perlulah dirawat terlebih dahulu dan mematuhi had yang ditetapkan di bawah Akta ini sebelum ianya dilepaskan ke mana-mana sungai.

- (ii) Mengarah dan menghendaki pihak punca-punca pencemaran memasang dan mengendali kelengkapan kawalan pencemaran di premis masing-masing;
- (iii) Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain agar dapat mempertingkatkan penguatkuasaan dan tindakan terhadap punca-punca pencemaran di bawah bidang kuasa masing-masing;
- (iv) Melaksanakan program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai untuk mempertingkatkan kualiti air sungai. Melalui program ini, kajian bagi mengenalpasti punca-punca pencemaran di lembangan sungai yang telah dikenalpasti dijalankan dan pelan-pelan tindakan yang mengandungi langkah-langkah pencegahan pencemaran dan peningkatan kualiti air sungai disediakan. Pelaksanaan pelan-pelan tindakan ini melibatkan pelbagai agensi berkaitan mengikut bidang kuasa agensi masing-masing. Selain itu, Kementerian juga telah menjalankan beberapa program khusus dalam menangani masalah pencemaran sungai. Sebagai contoh, program Satu Negeri Satu Sungai diadakan untuk memulihara dan mengembalikan sungai serta kawasan sekitarnya yang telah tercemar atau rosak (*degraded river*) kepada keadaan asalnya; dan

- (v) Menyedarkan orang ramai tentang kepentingan sungai di dalam kehidupan seharian. Pelbagai aktiviti dan kempen bagi meningkatkan kesedaran dan pendidikan alam sekitar serta khidmat nasihat kepada pelajar-pelajar dan orang-orang awam sedang giat dijalankan dalam usaha mengurangkan masalah pencemaran sungai.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR
KUCHING)

TARIKH : 24 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berniat bagi mengkaji balik dengan keseluruhannya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang kian disalah gunakan untuk memperkayakan segelintir kumpulan yang berkaitan dengan pemimpin-pemimpin politik.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Pertama sekali, saya ingin mengingatkan bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta dasar-dasar yang mewarisi pendekatan “serampang dua mata” yang dipelopori oleh DEB (termasuklah Dasar Pembangunan Nasional dan Dasar Wawasan Nasional) telah mencatat kejayaan dalam pelbagai aspek, termasuklah pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum, pembinaan golongan kelas menengah Bumiputera, pensamarataan pemilikan kekayaan negara, serta peluasan peluang pendidikan kepada seluruh rakyat. Jelas sekali bahawa DEB telah membawa manfaat yang berganda kepada negara, dan diiktiraf kejayaannya oleh pelbagai pakar dari dalam negara mahupun badan-badan antarabangsa seperti World Bank dan UNDP.

Dalam hal pengkajian semula bagi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan senantiasa terbuka dalam meneliti pelaksanaan mana-mana dasar dan program Kerajaan agar dapat mempertingkatkan lagi kecekapan Kerajaan bagi memenuhi aspirasi rakyat. Tambahan lagi, YAB Timbalan Menteri juga telah menjelaskan bahawa proses liberalisasi DEB akan berlaku secara berperingkat-peringkat. Oleh itu, kajian terhadap pelaksanaan DEB pastinya akan dijalankan, tetapi akan diperhalusi seeloknya oleh Kerajaan dan dilaksanakan secara beransur-ansur. Ini adalah untuk memastikan agar kita akan terus berlaku adil kepada semua pihak, sebagaimana yang telah menjadi amalan Kerajaan selama ini. Apa pun,

keseimbangan dalam pembahagian kekayaan negara akan tetap menjadi ukuran utama dalam usaha Kerajaan untuk memastikan agar sebarang perubahan terhadap DEB akan dilakukan secara berhemah dan mengambil kira pendapat semua golongan di negara kita.

Sekian, terima kasih.